



**Faculty of Cognitive Science and Human Development**

**MENGENALPASTI FAKTOR-FAKTOR MOTIVASI  
PEMBELAJARAN SAINS DAN MATEMATIK PELAJAR  
SEKOLAH MENENGAH MELALUI MODEL AKTIVITI  
INTERAKTIF**

**Donald Bin Daleng**

LB  
1065  
D674  
2002

**Kota Samarahan  
2002**

**MENGENALPASTI FAKTOR-FAKTOR MOTIVASI PEMBELAJARAN SAINS DAN  
MATEMATIK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH MELALUI MODEL AKTIVITI  
INTERAKTIF.**

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK  
UNIMAS



1000129647


oleh

**Donald Bin Daleng**

Projek ini merupakan salah satu keperluan kursus untuk mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Pembangunan Sumber Manusia) dari Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia,  
Universiti Malaysia Sarawak

Projek bertajuk Mengenalpasti faktor – faktor motivasi pembelajaran sains dan matematik pelajar sekolah menengah melalui model aktiviti interaktif telah disediakan oleh Donald Bin Daleng dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Pembangunan Sumber Manusia).

Diterima untuk diperiksa oleh:



(Puan Noor Shah Mohd Salleh)

Tarikh:

26/4/02

## PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada beberapa individu penting yang telah membantu dalam menyempurnakan projek ini secara langsung atau tidak langsung:

Puan Noor Shah Mohd Salleh (Penyelia Projek Tahun Akhir, Unimas), untuk segala kesabaran, bimbingan, dan bantuan dalam menyempurnakan projek.

Puan Mavis Janang (Kaunselor Sekolah Menengah D.P.H.A Ghapur), dalam membantu pelaksanaan projek yang lancar dan berkesan.

Encik Bedui (Pengetua Sekolah Menengah D.P.H.A. Ghapur), memberi kebenaran untuk menjalankan projek.

Penghargaan yang tak ternilai juga diberikan kepada kedua-dua ibu bapa, Encik Daleng b. Sakim dan Puan Mariam ak. Nyumpang yang telah membimbing sepanjang pengajian dan penyempurnaan projek ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan , Esther, Yusuf, Dasyiman, Ezwandy, Zulkipli, Victor, Sarip, Tony, Steven dan Eugene yang bersama –sama membantu selama pengajian di Unimas.

## JADUAL KANDUNGAN

Penghargaan	iii
Jadual Kandungan	iv
Senarai Rajah	vi
Senarai Jadual	vii
Abstrak	viii
<i>Abstract</i>	ix
<b>1. Pengenalan</b>	<b>1</b>
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latarbelakang Masalah	1
1.2 Rangka Konseptual	2
1.3 Matlamat	3
1.4 Objektif	3
1.5 Kepentingan Projek	3
1.6 Limitasi Projek	4
1.7 Definisi Istilah	4
1.8 Definisi Operasional	5
<b>2. Tinjauan Literatur</b>	<b>6</b>
2.0 Pengenalan	6
2.1 Teori Motivasi	6
2.2 Teori Motivasi Maslow	6
2.3 Teori Jangkaan Motivasi	8
2.4 Teori Herzberg	9
2.5 Kajian yang Berkaitan	9
<b>3. Metodologi</b>	<b>11</b>
3.0 Pengenalan	11
3.1 Rekabentuk Aktiviti	11
3.2 Sampel Projek	11
3.3 Analisis Data	12
<b>4. Dapatan dan Perbincangan</b>	<b>14</b>
4.0 Pengenalan	14
4.1 Hasil Analisis Aktiviti	14
4.2 Faktor Penyeliaan	16
4.3 Faktor Persekitaran	16
4.4 Faktor Sosial	16
4.5 Faktor Pencapaian	16
4.6 Hasil Temubual	17
4.7 Kajian Kes	17

<b>5.</b>	<b>Rumusan dan Cadangan</b>	<b>19</b>
5.0	Pengenalan	19
5.1	Rumusan	19
5.2	Cadangan Projek	20
	5.2.1 Cadangan Kepada Pihak Sekolah	20
	5.2.2 Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	21
<b>6.</b>	<b>Bibliografi</b>	<b>22</b>
<b>7.</b>	<b>Lampiran</b>	<b>23</b>

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah 1</b> Model Kerangka Konseptual	<b>2</b>
<b>Rajah 2</b> Hierarki Keperluan Maslow	<b>7</b>
<b>Rajah 3</b> Teori Jangkaan	<b>9</b>
<b>Rajah 4</b> Faktor – faktor motivasi yang mempengaruhi pembelajaran S&M	<b>15</b>

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual 1</b>	<b>12</b>
Cadangan pelaksanaan model interaktif	
<b>Jadual 2</b>	<b>20</b>
Perkaitan faktor – faktor motivasi dalam pembelajaran	



## **ABSTRAK**

### **MENGENALPASTI FAKTOR – FAKTOR MOTIVASI PEMBELAJARAN SAINS DAN MATEMATIK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH MELALUI MODEL AKTIVITI INTERAKTIF.**

**Donald Bin Daleng**

Projek ini memberi kefahaman mengenai faktor – faktor motivasi yang mempengaruhi pembelajaran pelajar sekolah menengah dalam pembelajaran sains dan matematik. Matlamat utama projek ini adalah membina model aktiviti yang boleh mengesan faktor – faktor motivasi yang mempengaruhi pembelajaran sains dan matematik pelajar sekolah menengah. Faktor – faktor utama yang dikenalpasti adalah faktor penyeliaan, faktor persekitaran, faktor sosial dan faktor pencapaian. Model aktiviti interaktif telah dibina untuk mengenalpasti faktor – faktor tersebut dan bertujuan untuk mengaitkan faktor – faktor kajian lepas dengan hasil dapatan. Setelah faktor – faktor motivasi dikenalpasti, hasil tersebut akan dapat digunakan untuk membantu pihak tertentu, contohnya pihak sekolah untuk membuat sebarang usaha yang dapat meningkatkan motivasi pelajar sekolah.

## ABSTRACT

### **DETERMINE THE MOTIVATIONAL FACTORS OF SECONDARY STUDENTS STUDYING SCIENCE AND MATHEMATICS THROUGH INTERACTIVE ACTIVITY MODEL.**

*Donald Bin Daleng*

*This project aims to understand the motivational factors that influence the study of science and mathematics among the secondary students. The main purpose of this project is to build an activity model that could identify the motivational factors that influence the study of science and mathematics among the secondary students. The mains factors are supervisory factor, environmental factor, social factor, and achievement factor. Interactive activity model has been build to determine those factors and to find its relationship with the factors from literature reviews. After the determination of the factors, the findings should be use to help certain organisation, such as the school, to do something about the students motivation.*

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 Pengenalan**

Perkataan motivasi berasal dari bahasa Latin “movere”, yang bermaksud ‘untuk bergerak’ (Steers, Porter, & Bigley, 1996). Motivasi seringkali dikaitkan dengan keperluan dan ganjaran. Motivasi merupakan salah satu elemen penting yang wujud dalam diri manusia dan berhubung dengan dorongan manusia untuk melakukan sesuatu aktiviti atau sesuatu tugas. Contohnya, seseorang individu bekerja untuk memperolehi nafkah agar dapat menampung atau menyara hidup diri sendiri dan yang bergantung kepada dirinya.

Menurut Maslow (1954), keperluan mempengaruhi aktiviti seseorang individu sehingga memperolehi kepuasan. Boleh disimpulkan juga bahawa jika keperluan seorang pelajar tidak dipenuhi maka pelajarannya mungkin merosot. Contohnya, jika seorang pelajar tidak tidur secukupnya, maka pelajar itu tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap pelajaran.

Projek mengenai motivasi di sekolah merupakan suatu projek yang merumitkan kerana motivasi melibatkan kajian ke atas kognisi dan tingkah laku seseorang pelajar terhadap pembelajaran di sekolah. Selain itu, projek ini juga mempertimbangkan keperluan dalaman individu dalam aktiviti yang dilakukan di sekolah.

Oleh yang demikian, pihak yang tertentu perlu mengambil berat mengenai keperluan serta kehendak pelajar di sekolah. Pelajar sekolah merupakan generasi yang bakal mengambil alih sumber tenaga manusia di dalam bidang politik, sains, ekonomi dan sosial serta secara tidak langsung membangunkan dan memajukan masyarakat dan negara.

### **1.1 Latarbelakang Masalah**


Motivasi merupakan satu elemen yang penting dalam diri manusia. Jika sesebuah organisasi tidak mempunyai kebolehan untuk memotivasikan ahli – ahli di dalam organisasi tersebut maka kemajuan agak sukar untuk dicapai. Keadaan ini juga sama

seperti di sekolah dimana pelajar – pelajar sekolah perlu dimotivasikan supaya ilmu pengetahuan dapat diperolehi dengan optimum.

Kebanyakan kajian dilakukan mengenai motivasi adalah untuk mengenalpasti tahap motivasi, faktor – faktor yang mempengaruhi motivasi dan perkaitan persekitaran dengan motivasi. Walaupun begitu, tidak banyak ikhtiar untuk merancang dan melaksanakan sesuatu seperti aktiviti interaktif yang mengaitkan faktor-faktor motivasi. Oleh itu, perancangan dan pembinaan aktiviti interaktif adalah perlu sebagai satu usaha untuk meningkatkan prestasi dan kemajuan sesebuah organisasi. Pembinaan aktiviti interaktif motivasi ini adalah berdasarkan kajian – kajian yang telah dilakukan mengenai motivasi.

Setelah mengetahui hasil kajian mengenai motivasi maka pembinaan sebuah aktiviti interaktif motivasi yang baik boleh dijalankan. Menurut Dubrin (1994), pekerja yang bermotivasi tinggi membolehkan organisasi meningkatkan produktiviti. Oleh yang demikian, jika sebuah aktiviti interaktif yang baik diadakan untuk individu – individu di sebuah organisasi maka produktiviti dan prestasi organisasi tersebut akan meningkat.

## 1.2 Rangka Konseptual



Rajah 1 Model Kerangka Konseptual

Rajah 1.1 menunjukkan rangka konseptual yang digunakan dalam perancangan pembinaan aktiviti. Rangka konseptual ini melihat kepada dua aspek utama iaitu pembelajaran sains dan matematik (S&M) dan faktor – faktor motivasi. Hubungan diantara faktor – faktor motivasi dan pembelajaran S&M akan cuba dikaitkan secara langsung. Seterusnya faktor – faktor motivasi itu menjadi dasar untuk merekabentuk dan membina aktiviti interaktif yang baik dan sempurna.

### 1.3 Matlamat

Matlamat projek ini terdiri daripada tiga peringkat;

- 1) Merekabentuk dan membina model aktiviti interaktif yang mengaitkan faktor-faktor motivasi terhadap pelajar sekolah.
- 2) Melaksanakan aktiviti tersebut.
- 3) Faktor – faktor motivasi kajian lepas dikaitkan dengan hasil dapatan.

### 1.4 Objektif

Dalam projek ini, objektif adalah amat penting untuk mengekalkan landasan projek supaya tidak beralih dari matlamatnya. Daripada matlamat, objektif projek diperkembangkan.

- 1) Merekabentuk dan membina model aktiviti interaktif yang mengaitkan faktor – faktor motivasi terhadap pelajar sekolah dalam pembelajaran sains dan matematik.
  - Pembinaan model dapat mengaitkan faktor-faktor motivasi.
  - Rekabentuk yang ringkas dan mudah dijalankan.
- 2) Melaksanakan model aktiviti tersebut.
  - Perlaksanaan model aktiviti oleh pengkaji dengan berkesan.
  - Pemerhatian terhadap pelajar dan hasil daripada aktiviti.
- 3) Faktor – faktor motivasi kajian lepas dikaitkan dengan hasil dapatan.
  - Memperolehi dapatan daripada model aktiviti.
  - Perbincangan mengenai perkaitan faktor –faktor.

### 1.5 Kepentingan Projek

Kajian – kajian lepas terhadap motivasi membolehkan penrekaan dan pembinaan aktiviti interaktif yang bersesuaian diadakan. Setelah model aktiviti ini dibina dan dilaksanakan, hasil aktiviti ini akan mengesan faktor – faktor motivasi yang mempengaruhi prestasi pelajar. Seterusnya ia membolehkan pihak sekolah untuk

mengenalpasti kelemahan dan kekuatan yang terdapat pada faktor – faktor motivasi tersebut. Justeru itu, model aktiviti interaktif yang dibina dan diubahsuai ini boleh membantu pihak sekolah khususnya dalam meningkatkan motivasi para pelajar dan seterusnya memajukan lagi prestasi pelajar – pelajar serta organisasi pendidikan yang wujud di sekolah.

## 1.6 Limitasi Projek

Projek ini hanya melibatkan sebuah sekolah yang mewakili organisasi - organisasi pendidikan yang lain. Walaupun faktor – faktor motivasi wujud di organisasi yang lain tetapi hasil yang diperolehi mungkin berlainan dari segi konsep, kriteria dan budaya yang bergantung kepada keadaan dan situasi yang berbeza. Oleh itu, hasil yang didapati tidak boleh disamakan kepada semua organisasi – organisasi pendidikan yang lain.

Bentuk projek yang dijalankan mungkin tidak selaras dengan kajian yang biasa dilakukan kerana projek ini melibatkan pembinaan aktiviti interaktif yang memerlukan perancangan yang teliti. Selain itu, tidak terdapat kajian yang menggunakan kaedah pembinaan model aktiviti untuk mengenalpasti faktor – faktor motivasi untuk dijadikan rujukan. Oleh yang demikian, projek ini amat sukar untuk dilakukan atau dijalankan.

## 1.7 Definisi Istilah

### Motivasi

Menurut Dubrin (1990), motivasi merujuk kepada keadaan dalaman yang menggerakkan atau mengaktifkan seseorang menuju matlamat. Melalui definisi ini jelas menggambarkan bahawa motivasi merupakan suatu konsep yang melibatkan sebab dan kenapa manusia melakukan sesuatu perkara.

Steers dan Porters (1987) bersetuju, *when we discuss motivation, we are primarily concerned with (1) what energizes human behavior; (2) what directs or channels such behavior; (3) how this behavior is maintained or sustained.* Definisi ini menjelaskan terdapat tiga perkara yang perlu dipertimbangkan dalam motivasi iaitu; apa yang mengaktifkan tingkah laku; apa yang mengarahkan atau menyalurkan tingkah laku; dan bagaimana tingkah laku dikekalkan.

Menurut Ford (1992), dalam Teori Sistem Motivasi, motivasi didefinisikan sebagai corak tersusun yang melibatkan tiga fungsi psikologikal iaitu, pengarah atau penggerak dan aktiviti mencapai matlamat peribadi; proses kebangkitan emosi; dan kepercayaan peribadi dalam tindakan melakukan sesuatu.

## 1.8 Definisi Operasional

- **Faktor Penyeliaan**

Menurut Frunzi dan Savini (1997), penyelia merupakan seseorang yang bertanggungjawab mengarah pekerja melakukan pekerjaannya. Seorang penyelia perlu menghubungkan pekerja dengan organisasi. Tugas sebagai penyelia juga bergantung kepada tahapnya di dalam sesebuah organisasi. Oleh itu, definisi faktor penyeliaan dalam projek ini adalah peranan guru atau guru sebagai penyelia dalam pembelajaran sains dan matematik pelajar sekolah.

- **Faktor Persekitaran**

Faktor persekitaran menurut Bennett (1991), adalah situasi, keadaan yang mempengaruhi kegiatan yang dijalankan oleh seseorang individu dalam kehidupan. Definisi operasional mengenai faktor persekitaran dalam projek ini adalah keadaan dan situasi kelas yang mempengaruhi aktiviti pembelajaran seseorang pelajar.

- **Faktor Sosial**

Dalam teori Maslow, keperluan sosial merujuk kepada hubungan kasih sayang atau interaksi individu terhadap orang lain. Menurutnya lagi, individu perlu berinteraksi jika melakukan tugas secara berkumpulan. Faktor sosial yang dimaksudkan dalam projek ini adalah hubungan sosial atau sekumpulan pelajar yang bekerjasama dalam melakukan aktiviti pembelajaran.

- **Faktor Pencapaian**

Menurut Pitts (1995), pencapaian adalah sesuatu yang diselesaikan dengan berjaya, dan biasanya dengan usaha dan kemahiran. Faktor pencapaian dalam projek ini merujuk kepada keperluan pelajar untuk lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan dan ujian. Dengan itu, faktor tersebut mendorong pelajar untuk belajar dengan bersungguh – sungguh untuk mencapai apa yang dikehendaki dalam peperiksaan.

## **BAB 2**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.0 Pengenalan**

Bab ini akan membicarakan hasil kajian dan penulisan yang berkaitan dengan faktor – faktor motivasi dan prestasi.


#### **2.1 Teori Motivasi**

Banyak kajian telah dilakukan mengenai motivasi dan kefahaman mengenainya telah menarik perhatian ramai ahli psikologi dan pihak atasan sesebuah organisasi. Terdapat dua teori mengenai motivasi manusia yang terkenal yang akan dibincangkan dalam bab ini iaitu, penjelasan motivasi oleh Abraham Maslow dan Teori Jangkaan (expectancy theory).

#### **2.2 Teori Motivasi Maslow**

Maslow mengatakan bahawa manusia mempunyai keperluan dalaman yang menggerakkan mereka ke arah kesempurnaan diri. Walaubagaimanapun, sebelum keperluan tahap tertinggi dicapai, keperluan fisiologikal perlu diperolehi dahulu ( Dubrin, 1994 ). Terdapat lima keperluan manusia yang telah disusun oleh Maslow iaitu keperluan fisiologikal, keperluan keselamatan, keperluan sosial, keperluan untuk disanjung, dan keperluan kesempurnaan diri. Berikut adalah model hierarki keperluan yang dibentuk oleh Maslow.





Rajah 2 Hierarki Keperluan Maslow

Dalam teori Maslow, fisiologikal merujuk kepada keperluan asas manusia seperti makanan, air, perlindungan, dan tidur. Keperluan fisiologikal perlu dipenuhi supaya manusia berada dalam keadaan yang selesa untuk melakukan sesuatu aktiviti. Dalam kehidupan seharian, apabila seseorang individu itu pergi melakukan sesuatu tugas dengan keadaan yang tidak cukup tidur, maka tugas itu tidak akan selesai sehingga individu itu memenuhi keperluannya untuk tidur.

Keselamatan pula merujuk kepada keselamatan fizikal dan emosi. Manusia mengelak daripada bahaya baik dari segi fizikal ataupun emosi. Manusia akan bermotivasi apabila berada dalam keadaan yang selamat dan tiada bahaya.

Keperluan sosial merujuk kepada hubungan kasih sayang dan interaksi individu terhadap orang lain. Menurut Maslow, kebanyakan individu tidak selesa melakukan tugas jika tidak mempunyai hubungan rapat dengan orang lain. Individu ingin diterima dalam sebuah kumpulan seperti hubungan rakan sebaya di sekolah.

Sanjungan merupakan suatu keperluan seseorang individu untuk menonjolkan diri dan kehadirannya diberi perhatian oleh orang lain kerana kepentingan individu tersebut.

Kesempurnaan diri merupakan keperluan tahap tertinggi seseorang individu untuk membangunkan keperibadian dan memenuhi kehendak sendiri. Pada tahap ini, individu dapat menggunakan sepenuhnya atau maksimum potensi yang ada dalam diri.

Setelah mengkaji motivasi manusia, Maslow telah mendapati dalam kajiannya bahawa, individu dewasa dapat memenuhi 85 peratus keperluan fisiologikal; 70 peratus keperluan keselamatan; 50 peratus keperluan sosial; 40 peratus keperluan untuk disanjung; dan 10 peratus untuk kesempurnaan diri. Walaupun begitu, terdapat perbezaan pada individu dalam memenuhi setiap keperluan – keperluan tersebut. Sebagai contoh, pekerja kontraktor yang sukar untuk memenuhi keperluan keselamatan kerana kerjanya yang boleh membawa bahaya kepada dirinya. Kajian yang dilakukan oleh Maslow amat penting dan telah diaplikasikan oleh pihak tertentu untuk mengambil berat mengenai motivasi manusia.

### 2.3 Teori Jangkaan Motivasi (*Expectancy Theory of Motivation*)

Teori Jangkaan Motivasi merujuk kepada penjelasan mengenai motivasi manusia yang mana manusia akan berusaha dengan lebih gigih apabila menyedari bahawa usaha tersebut akan memberi pulangan yang dikehendaki. Teori ini mencadangkan bahawa manusia membuat keputusan secara rasional dimana manusia akan memilih pilihan atau tugas yang memberi keuntungan yang terbaik terhadap diri mereka ( Dubrin, 1994 ).

Terdapat tiga komponen asas yang wujud dalam Teori Jangkaan; **Jangkaan** (*Expectancy*), **Instrumentaliti** (*Instrumentality*), dan **Valen** (*Valence*). Komponen yang pertama, iaitu **Jangkaan** merupakan kemungkinan yang ditetapkan oleh individu bahawa usaha akan membawa kepada pembuatan tugas dengan betul dan tepat. **Jangkaan** bergantung kepada sama ada sesuatu tugas dapat dilakukan dengan baik dan memuaskan.

**Instrumentaliti** pula merujuk kepada kemungkinan yang ditetapkan oleh individu bahawa prestasi membawa kepada pulangan atau ganjaran yang tertentu. Manakala **Valen** pula merupakan nilai atau kepentingan sesuatu pulangan atau hasil. Dalam situasi tugas terdapat pelbagai hasil yang diperolehi dan setiap hasil mempunyai valen yang tersendiri. Sebagai contoh, individu yang mempunyai prestasi memuaskan dalam pelajaran membawa hasil positif iaitu menghasilkan keputusan yang baik dan dipuji oleh guru – guru. Namun begitu, hasil yang negatif boleh timbul apabila rakan – rakan berasa dengki terhadap pencapaian dan membenci individu tersebut.

Seseorang individu akan bermotivasi dalam keadaan yang dinyatakan di sebelah.

- A. **Jangkaan** adalah pada tahap tinggi: individu yakin boleh melakukan tugas dengan baik
- B. **Instrumentaliti** pada tahap yang tinggi: individu yakin prestasi akan membawa hasil yang tertentu.
- C. **Valen** pada tahap yang tinggi: individu menilai betapa pentingnya hasil yang mungkin diperolehi.

Rajah 3 Teori Jangkaan ( Expectancy Theory )

## 2.4 Teori Herzberg

Menurut Herzberg, dua set faktor mempengaruhi tingkah laku manusia iaitu; memenuhi keperluan untuk mengelak ketidakselesaan serta keperluan asas dalam kehidupan dan keperluan membangunkan potensi dan kapasiti sendiri. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa terdapat lima faktor yang mempengaruhi motivasi adalah;

- Faktor pencapaian dalam tugas
- Pengiktirafan oleh individu lain dalam organisasi
- Tanggungjawab
- Kepelbagaian tugas yang menarik
- Pembangunan kerjaya

## 2.5 Kajian Yang Berkaitan

Kajian lepas yang berkaitan juga telah dijadikan rujukan untuk membantu kajian terhadap faktor – faktor motivasi. Kajian yang dibuat oleh Azlina Bt. Mohd. Yusuf (1999) yang menyelidik tahap motivasi dikalangan pekerja sokongan dan perkaitannya dengan faktor organisasi. Dalam kajian tersebut beliau telah memilih Cahaya Mata Sarawak Cement Sdn. Bhd. , sebuah kilang pengeluar simen yang utama di Sarawak. Bentuk kajian yang telah digunakan adalah kaedah tinjauan yang melibatkan seramai 80 orang pekerja sokongan dan alat yang digunakan adalah borang soal selidik.

Dalam kajian tersebut, hasil dapatan yang diperolehi adalah seperti berikut;

- Faktor pekerjaan yang baik iaitu dapat memenuhi keperluan pekerja dan organisasi akan menentukan tahap motivasi kerja yang tinggi dikalangan pekerja sokongan.
- Faktor penyeliaan tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan tahap motivasi.
- Faktor kerja berkumpulan dapat memenuhi keperluan dan kepuasan pekerja dalam menjalankan kerja berkumpulan akan menentukan tahap motivasi kerja berkumpulan akan menentukan tahap motivasi kerja yang tinggi dikalangan pekerja.
- Faktor ganjaran tidak akan menentukan tahap motivasi kerja dikalangan pekerja.

## **BAB 3 METODOLOGI**

### **3.0 Pengenalan**

Dalam bab ini, kaedah pengendalian yang akan digunakan dalam projek akan diterangkan. Kaedah pengendalian yang akan diterangkan melibatkan rekabentuk aktiviti, sampel, instrumentasi dan analisis data.

### **3.1 Rekabentuk Aktiviti**

Rekabentuk aktiviti interaktif ini berbentuk praktikal dan bertujuan untuk mengesan perkaitan faktor – faktor motivasi terhadap pelajar – pelajar sekolah. Rekabentuk ini amat sesuai dalam kajian yang berkaitan dengan tingkah laku dan perhubungan interaksi kerana ia melibatkan para pelajar untuk memikirkan dan menyatakan faktor – faktor motivasi yang mungkin menggalakkan dan kurang menggalakkan pembelajaran dalam pelajaran sains dan matematik. Rekabentuk aktiviti ini adalah berdasarkan rujukan daripada sebuah buku oleh Graham (1981) yang bertajuk *Teaching Students to Learn*. Daripada buku tersebut dan penelitian kajian – kajian lepas, rekabentuk aktiviti ini dapat dibina dan diubahsuai untuk memudahkan penyesuaiannya terhadap para pelajar di sekolah.

### **3.2 Sampel Projek**

Sampel yang terlibat dalam projek ini adalah sebanyak 30 orang pelajar sekolah menengah rendah. Pelajar - pelajar tersebut adalah pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Datuk Patinggi Haji Abdul Ghapur di Jalan Stampin. Aktiviti akan dilaksanakan dan diuji untuk mendapatkan maklumbalas daripada pelajar – pelajar. Berikut adalah cadangan sampel dan pelaksanaan model aktiviti interaktif tersebut.

Tarikh Tempoh /	Tajuk	Kumpulan Sasaran	Fasilitator
14 Januari 2002 / 2 jam	Aktiviti Interaktif Motivasi Dalam Pembelajaran Sains dan Matematik.	Tingkatan 2 yang terdiri daripada; *10 orang pelajar cemerlang *10 orang pelajar sederhana *10 orang pelajar kurang cemerlang  *berdasarkan prestasi akademik	1. Pengkaji 2. Kaunselor

Jadual 1 Cadangan pelaksanaan model interaktif

Kajian kualitatif merupakan kajian yang memperolehi maklumat daripada hasil dapatan kajian tanpa melibatkan prosedur stastistik dan pengiraan kuantitatif. Kajian kualitatif juga dapat menjelaskan secara terperinci kajian rumit seperti motivasi manusia yang agak sukar dikaji menggunakan kaedah kuantitatif. Oleh yang demikian, kaedah temubual digunakan untuk menguji keberkesanan model aktiviti tersebut.

Kaedah temubual ini berbentuk temubual *standardized open ended* yang mana soalan-soalan temubual adalah sama untuk semua responden yang terlibat dan bertujuan untuk memperolehi pendapat. Responden untuk kaedah temubual ini adalah tiga orang guru yang terlibat iaitu guru kaunselor serta guru sains dan matematik.

### 3.3 Analisis Data

Berikut adalah bagaimana data akan dianalisis dan akan dijadikan kajian kes untuk menunjukkan perkaitan faktor – faktor motivasi dengan pembelajaran sains dan matematik.

Proses penghasilan kajian kes yang menunjukkan- perkaitan faktor – faktor motivasi dengan pembelajaran sains dan matematik.

- 1) Mengumpul Data
  - Data melibatkan semua maklumat yang dikumpul mengenai model aktiviti yang dijalankan.
- 2) Membina rekod analisis mengenai data
  - Data diuruskan untuk dianalisis untuk mendapatkan keputusan yang dikehendaki.

3) Penulisan mengenai kajian kes

- Kajian kes menggambarkan aktiviti dan hasil yang diperolehi serta memberi maklumat yang mudah difahami oleh pembaca.

## **BAB 4**

### **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

#### **4.0 Pengenalan**

Bab empat ini akan menumpukan dapatan atau hasil berdasarkan aktiviti yang telah dijalankan dan maklumat data kualitatif. Antara perkara yang dibincangkan di dalam bab ini ialah hasil aktiviti, perkaitan faktor-faktor motivasi dengan hasil aktiviti, dan pendapat guru – guru yang ditemubual.

#### **4.1 Hasil Analisis Aktiviti**

Bahagian analisis aktiviti membincangkan maklumbalas dan hasil aktiviti yang telah dijalankan. Analisis aktiviti akan dibahagikan kepada tiga iaitu perkara atau faktor yang menyebabkan pembelajaran sains dan matematik tidak berkesan; perkara atau faktor yang menyebabkan pembelajaran sains dan matematik berjaya dan berkesan; dan perkaitan perkara – perkara yang dinyatakan dengan faktor – faktor motivasi daripada kajian – kajian lepas.